



**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
YBHG PROF DATUK DR MOHAMAD KADIM SUAIDI
SEMPENA
MAJLIS KONVOKESYEN UNIMAS KE-21
DI
ARENA GEMILANG, DETAR PUTRA
6 – 9 NOVEMBER 2017
Sidang 5**

Bismillahirrahmanirrahim.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Negaraku dan Salam Ibu Pertiwiku, Salam UNIMASku Sayang**

Yang Berbahagia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Anak

Numpang

Pro Canselor UNIMAS

Yang Berbahagia Datu Dr Hatta Solhi,

Pengerusi, Lembaga Pengarah UNIMAS, dan isteri, **Yang Berbahagia Datin**

Mariam Dawood

Yang Berbahagia Datuk Syed Hussian Al-Junid

Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS

Yang Berbahagia Prof Dr Hjh Lela Hj Suut

Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS

Yang Berbahagia Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Yang Berbahagia Prof Dr Kopli Bujang

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

Yang Berbahagia Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

Pengurusan Utama Universiti, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, dan sudah tentunya yang diraikan pada hari ini, para Graduan yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah syukur kita kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul, dan bertemu, pada pagi ini bagi menyaksikan Majlis Konvokesyen UNIMAS ke-21, yang juga merupakan majlis tahunan gilang gemilang yang amat dinanti-nantikan oleh para graduan UNIMAS sekalian. Sesungguhnya kehadiran para hadirin sekalian akan menyerikan lagi majlis ini, di samping menyempurnakan majlis istiadat konvokesyen kali ini.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

2. Atas perkenan Tuan Yang Terutama Tun Canselor, saya di sini ingin mengambil kesempatan untuk **(Slide 2)** merakamkan ucapan tahniah dan syabas buat Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak atas pemasyhuran sebagai Pro Canselor keempat UNIMAS pada sidang pertama Majlis Konvokesyen UNIMAS.
3. **(Slide 3)** Tahniah dan syabas juga buat Yang Berbahagia Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Anak Numpang yang turut dilantik semula sebagai pro canselor UNIMAS.

4. Pada Konvokesyen ke-21 hari ini kita akan **(Slide 4)** meraikan kejayaan **3,676 graduan pra-siswazah** dan **444 graduan siswazah** di mana **68** graduan merupakan pelajar **PhD** sementara **376** merupakan pelajar **Sarjana (Master)**.
5. Pada masa yang sama, pada hari ini, **(Slide 5)** kita turut meraikan **19 Graduan Antarabangsa** dari **7** negara dengan **Fakulti Ekonomi dan Perniagaan** seramai **13 graduan** dan **Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat** seramai **6 graduan**.
6. Majlis Konvokesyen pada kali ini juga menyaksikan **(Slide 6)** kohort pertama Program Linguistik dari **Fakulti Bahasa dan Komunikasi** seramai seramai **48** graduan. Menariknya konvokesyen kali ini akan menyaksikan seramai **14** Graduan **CMBA** dan **7** graduan dari Program **Sarjana Pembangunan Sumber Manusia**, dari Pusat Pembelajaran **UNIMAS**, di **Kuala Lumpur**.
7. Istimewanya konvokesyen kali ini menyaksikan **(Slide 7)** seorang graduan kurang upaya penglihatan dari **Fakulti Ekonomi dan Perniagaan**, **Saudari Teo Suat Nei** atau lebih dikenali dengan nama **Nini** berjaya mengharungi cabaran kehidupan di kampus seterusnya sampai ke dewan berprestij ini untuk menerima segulung ijazah. **Tahniah dan syabas** kepada **Saudari Ninie** dan juga rakan-rakan dan pensyarah yang banyak membantu beliau sehingga mengecapi kejayaan ini.
8. Secara peribadi saya begitu yakin, **(Slide 8)** kesemua graduan dan ahli keluarga mereka, turut berkongsi kegembiraan dengan kejayaan yang dikecapi ini, dan semestinya teruja untuk melakar lebih banyak kejayaan, dalam bidang kerjaya yang akan diceburi selepas ini. **(Slide 9)** Penat lelah yang dirasai selama **3, 4** dan **5** tahun pengajian di **UNIMAS**, akhirnya terbalas dengan kejayaan menggenggam

segulung ijazah, sebagai bukti kesungguhan dan pengorbanan, dalam mengejar ilmu pengetahuan di negeri Sarawak yang kita cintai ini.

9. **(Slide 10)** Setinggi tinggi tahniah sekali lagi kita ucapkan kepada mereka yang berjaya kerana anda akan secara rasminya menjadi sebahagian daripada alumni di UNIMAS selepas menerima ijazah anda sebentar lagi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Majlis Konvokesyen UNIMAS kali ke-21 amat bermakna sekali bagi seluruh warga UNIMAS kerana kita turut **(Slide 11)** meraikan ulang tahun ke-25 penubuhan UNIMAS. Sepanjang tempoh 25 tahun penubuhan UNIMAS, kita telah bersama-sama menyaksikan perkembangan institusi ini.
11. Pada awal penubuhannya, **(Slide 12)** UNIMAS bertapak di Rumah Setia, Taman Budaya dan memulakan operasi pembelajaran di Pusat Latihan Telekom di Samariang, sebelum berpindah ke Kampus Timur, dan akhirnya berpindah ke Kampus Tetap pada 2006. Sepanjang tempoh ini juga, **(Slide 13)**, kejayaan demi kejayaan telah kita raih dalam bidang akademik, penyelidikan, sukan, kebudayaan dan sebagainya, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. **(Slide 14)** Yang terkini pada Jumaat lepas, pensyarah dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Tuan Haji Syahrul Nizam Junaini telah mengharumkan nama UNIMAS di Anugerah Akademik Negara dengan merangkul Anugerah Pengajaran dalam Bidang Sains Gunaan. Tahniah dan syabas kepada beliau. Semoga kejayaan ini akan menjadi contoh tauladan buat seluruh warga universiti.

12. Kejayaan ini secara tidak langsung memberi inspirasi kepada semua ahli akademik, kakitangan sokongan dan juga mahasiswa UNIMAS untuk terus berusaha melakar kejayaan pada masa hadapan. Sukacitanya saya ingin mengumumkan bahawa **(Slide 15) QS Asian University Ranking yang dikeluarkan baru-baru ini meletakkan nama UNIMAS di kedudukan ke 247, naik 14 tangga berbanding tahun lepas daripada jumlah 11,900 universiti di seluruh Asia. Tahniah kepada semua warga UNIMAS yang sentiasa komited dalam memastikan UNIMAS terus relevan sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini.**
13. Pada masa yang sama, **(Slide 16)** usaha kita dalam memastikan kebolehpasaran graduan UNIMAS, sentiasa diambil berat kerana ia selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Sarawak, dalam membangunkan modal insan, dalam kalangan graduan tempatan yang berdaya saing, dan berkemahiran tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. **(Slide 17)** Dewasa ini, kita sedang berdepan dengan era globalisasi, dan transformasi digital, yang begitu pesat, termasuklah pelaksanaan digital ekonomi, yang merupakan agenda penting bagi Malaysia, dan Sarawak khususnya.
15. **(Slide 18)** Tanggal 18 Oktober yang lepas menyaksikan Menteri Pendidikan Tinggi, Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh, telah mengumumkan bahawa UNIMAS diiktiraf sebagai universiti pertama di Malaysia menggunakan Cardless ID melalui QR Code, dan juga universiti pertama melaksanakan iCGPA secara

menyeluruh untuk kesemua program akademik. Pencapaian ini merupakan satu kejayaan besar buat seluruh warga UNIMAS.

16. **(Slide 19)** Kita turut mendokong cita cita serta usaha kerajaan Sarawak, yang mengambil langkah proaktif, dengan menggariskan, serta memulakan langkah transformasi digital, di mana pembangunan serta ekonomi digital **(Slide 20)** akan menjadi teras penjana ekonomi baharu, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg.
17. Bagi menyokong inisiatif serta usaha proaktif ini, UNIMAS turut bersiap sedia memainkan peranan penting, dengan menjalin kerjasama dan jalinan strategik, yang turut meliputi kerjasama dalam **(Slide 21)** penyelidikan, konsultasi dan projek keterlibatan dalam masyarakat yang boleh menyumbang kepada kejayaan dalam sektor ekonomi digital dan seterusnya mampu bersaing dalam Revolusi Industri 4.0.
18. Mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0, pelajar di universiti perlu keluar daripada kebiasaan. **(Slide 22)** Revolusi Industri 4.0 ini merentasi sembilan tonggak, merangkumi *Simulation, System Integration, Internet of Things (IoT), Cyber Security, Cloud Computing, Additive Manufacturing, Augmented Reality, Big Data* dan *Autonomous Robots*. Sebagai persiapan menghadapi cabaran-cabaran tersebut, pelajar di universiti perlu mengasah kemahiran penyelesaian masalah kompleks, agar dapat bersaing di pentas global, yang kian mencabar.

Graduan yang kasihi sekalian,

19. **(Slide 23)** Sebentar lagi anda semua akan mengenggam segulung ijazah, bukti kepada hasil penat lelah anda dalam mengharungi kehidupan, sebagai mahasiswa di UNIMAS. Ini bukan bermakna, perjalanan anda telah tamat. Kejayaan ini merupakan titik tolak kepada kejayaan yang lebih besar lagi di masa hadapan. Kini tiba masanya untuk anda menyumbang, kepada keluarga dan masyarakat, dengan ilmu yang telah ditimba sepanjang berada di UNIMAS. Sekiranya berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, UNIMAS akan sentiasa mengalu-alukan kehadiran anda, dengan tangan yang terbuka.
20. **(Slide 24)** Selepas ini juga anda akan bergelar alumni UNIMAS. Sebagai seorang alumni, anda harus menjadi teladan dan inspirasi kepada para pelajar. Pengalaman yang dikongsi oleh alumni dengan pelajar sama ada dalam soal pengurusan masa dan kewangan, pembentukan sahsiah diri dan watak, mahupun bidang kerjaya dapat diterima dengan lebih baik, sebagai panduan dan dijadikan inspirasi oleh pelajar. Dengan cara tersebut, alumni dapat membantu memperkukuhkan lagi keyakinan, menyalurkan semangat, dan menyemai budaya seperti mana hasrat universiti, yang ingin sampaikan kepada generasi pelajarannya. Alumni juga berperanan, sebagai panel rujukan kepada fakulti, bagi menyediakan keperluan pelajar dan graduan, untuk menempatkan diri, di bidang kerjaya tertentu. Selain itu, alumni bertanggungjawab dalam menyokong reputasi universiti. Alumni yang berkhidmat dengan jayanya dalam pelbagai sektor, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara, telah membuktikan kualiti dan keberkesanan program pengajian, penyelidikan dan komuniti di universiti ini.

21. Setelah bergelar graduan, kini, pembangunan UNIMAS samada dari segi infrastruktur, kualiti akademik, penyelidikan dan bantuan yuran pendidikan kepada pelajar miskin, menjadi sebahagian daripada tanggungjawab bersama, para alumni. **(Slide 25)** Melalui sumbangan dana ke tabung endowmen dan wakaf UNIMAS, para alumni, warga universiti, pihak industri dan orang ramai, berpeluang berganding bahu untuk memperkasakan, usaha universiti melahirkan lebih ramai intelek tempatan, lebih banyak usaha penyelidikan saintifik, penambahbaikan inovatif serta penganjuran program akademik terkemuka. **(Slide 26)** Oleh itu, saya menyeru kepada para graduan sekalian, untuk terus menyumbang dana ke tabung amanah, melalui Bahagian Endowmen dan Wakaf UNIMAS. Sumbangan ini pastinya akan turut memanfaatkan penyumbang, untuk kesejahteraan dan keberkatan di dunia dan akhirat.. Dan jangan lupa untuk bayar PTPTN.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Universiti mempunyai tanggungjawab besar, dalam membina dan membangunkan modal insan yang beretika, berkemahiran, bertanggungjawab serta komitmen yang tinggi. Saya rasa tanggungjawab dan amalan ini juga seharusnya dikembangkan dalam kehidupan bermasyarakat, oleh para graduan sekalian, yang menjadi harapan negara kerana graduan hari ini, merupakan penerus kesinambungan kepimpinan negara pada masa hadapan.

23. Justeru, ekosistem kecemerlangan akan terus diperkasa di UNIMAS, kerana ia akan membangkitkan budaya kerja berilmu dan berdaya saing, **(Slide 27)** seiring dengan nilai teras utama UNIMAS iaitu integriti, ikhlas, keserakanan, inovatif, dan kecekalan. Warga Universiti akan menyusun semula barisan, bergerak

bersama-sama, berganding tenaga dan bersefahaman haluan, untuk maju ke hadapan, mencapai matlamat yang sudah pun disurat dan disiratkan untuk UNIMAS.

24. Di sidang terakhir ini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat seluruh warga UNIMAS dan jawatankuasa-jawatankuasa yang membantu menjayakan majlis konvokesyen ke-21. Berikan tepukan gemuruh untuk **(Slide 28)**

- Jawatankuasa Festival Konvokesyen
- Teknikal dan Logistik
- Pengurusan Perarakan
- Pengurusan Acara
- Pengurusan Pentas
- Jemputan
- Penyambut Tetamu
- Publisiti dan Media
- Rakaman, Multimedia dan Live Streaming
- Orkestra dan Gamelan
- Jamuan
- Pengangkutan dan Kecemasan
- Penerbitan
- Fotografi
- Laman Web Konvokesyen
- Polis Bantuan
- Serta Palapes

Gunung Sejinjang Gunung Santubong

Menyimpan lagenda bumi kenyalang

Empat hari kita berkampung

Menjayakan majlis gilang gemilang

Pergi ke bau mencari emas

Buat hiasan kepala keris

Terima kasih warga UNIMAS

Teguh bersama menjayakan majlis.

25. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada bakal graduan sekalian. Semoga kejayaan yang diraih hari ini, menjadi asas teguh, untuk meneruskan perjalanan hidup ini dengan lebih berkeyakinan. **(Slide 29)** Ingatlah *success is a journey and not a destination. Therefore, it can only be achieved with you wanting to take the first step and persevere through hard work.*

(Slide 30)

Terbang enggang di balik awan

Hinggap rendah di pohon berangan

Tahniah dan syabas para graduan

Semoga cemerlang di alam pekerjaan.

(Slide 31)

Dari Kuching pergi ke Lawas

Singgah di Sibu beli Bidara

Ilmu dicurah tidak minta dibalas

Taburkan jasa kepada negara.

Sekian .

**Wabillahitaufik walhidayah, wasalamualiakum
warrahmatulahhiwabarkatuh.**